

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Tuesday, January 21, 2020 9:36 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Lawatan Kerja JPA Teroka Peluang Kerjasama Baharu



**UUM Corporate Comm.**  
**Universiti Utara Malaysia**

21 JANUARI 2020 / 25 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

### LAWATAN KERJA JPA TEROKA PELUANG KERJASAMA BAHARU



**UUM ONLINE:** Kedatangan delegasi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ke Universiti Utara Malaysia (UUM) yang diketuai Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Dato' Dr. Zulkapli Mohamad memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama antara UUM dan JPA.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, UUM merupakan universiti yang menyediakan pembangunan modal insan kepada negara sejak dari awal penubuhan universiti awam itu di Malaysia.

Dalam kunjungan hormat delegasi JPA itu, Naib Canselor telah membentangkan prestasi UUM khususnya tentang ranking universiti dalam QS Rankings, selain hasrat untuk menjadi '*smart digital campus*' seiring dengan perkembangan teknologi kini.

"UUM merupakan universiti yang sudah setaraf dengan universiti tersohor lain kerana banyak syarikat atau organisasi yang ingin menjalinkan kerjasama dengan UUM dalam pelbagai bidang.

"Saya juga berharap pada tahun ini UUM akan terus menonjol lagi selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan taraf pendidikan negara, tambahan pula kita berada dalam era digital atau teknologi," katanya pada Sesi Perbincangan Antara UUM dan JPA di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, hari ini.

Naib Canselor juga turut menjemput JPA untuk menyertai dan menganjurkan Global Leadership Executive Programme Series (GLEPS) bersama Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM) dengan kerjasama Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKYSPP), National University of Singapore (NUS) di Langkawi pada Julai nanti.

Pada sesi tersebut, kedua pihak membincangkan tentang penawaran program kursus pendek kepada JPA oleh Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) bagi data raya (Big Data) dan kecerdasan buatan (AI) di China, manakala IPDM berhasrat menawarkan kursus GLEPS kepada pegawai kanan JPA.

Sementara itu, Dato' Dr. Zulkapli berkata, beliau berharap UUM sebagai universiti pengurusan dapat memberikan kerjasama dan diyakini boleh berkongsi kepakaran dan ilmu yang dimiliki.

Menurutnya, pihaknya akan melaksanakan program '*short course*' yang dijangkakan bermula pada Mac depan dengan melibatkan pegawai dari JPA yang mana kursus tersebut akan menfokuskan kepada pengurusan, kepimpinan dan integriti.

Katanya, beliau mahu memperbanyakkan jalinan kerjasama dengan universiti bagi membangunkan modal insan dalam masyarakat dan perkhidmatan awam, malah yakin UUM akan melahirkan pelajar yang berkarisma dalam bidang tertentu, seterusnya membolehkan hasrat JPA direalisasikan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.